

Headline	Henti sebar notis		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	42
ArticleSize	217 cm ²	Journalist	Mohamad Azim
PR Value	RM 25,645		



Henti sebar notis

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

■ 'Posting' viral di media sosial ganggu pegawai TNB

Kuala Lumpur


Tenaga Nasional Berhad (TNB) meminta orang ramai berhenti berkongsi dan menyebarkan notis Maklum Balas Rumah Berkunci seperti tersebar di media sosial kerana ia menyebabkan gangguan kepada pegawai yang namanya tertera di notis itu.

Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Ir Kamaliah Abdul Kadir berkata, pihaknya menafikan notis itu palsu sebaliknya ia adalah notis dikeluarkan warga kerjanya di unit Perjangkaan TNB ibu negara sebagai prosedur biasa.

"Ia dikeluarkan apabila warga kerja berkenaan tidak dapat mengakses meter disebabkan premis pengguna tidak dapat dimasuki akibat pintu pagar berkunci atau halangan lain," katanya dalam satu kenyataan.

Kamaliah memberitahu, notis itu masih menggunakan alamat pejabat TNB yang sudah ditutup dan ia dilupuskan bagi mengelak

FAKTA
Orang ramai boleh hubungi pegawai khidmat pelanggan TNB jika terima notis mencurigakan



GAMBAR notis TNB yang menjadi viral di media sosial.

kan kekeliruan.

"Orang ramai diminta tidak berkongsi 'posting' itu kerana menyebabkan gangguan kepada pegawai terbabit," katanya.

Beliau juga menasihati

pengguna menghubungi pegawai khidmat pelanggan TNB, ditalian 1300885454 atau pejabat TNB yang berdekatan sekiranya menerima sebarang notis yang mencurigakan.